

Berdepan dua pertuduhan menipu lelaki berusia 39 tahun lebih RM58,000

# Bekas pemain badminton didakwa

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

**SHAH ALAM** – Seorang bekas pemain badminton kebangsaan didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dua pertuduhan menipu seorang lelaki berjumlah RM58,029 untuk tujuan pertaruhan dalam talian dan pelaburan tidak wujud enam tahun lalu.

Tertuduh, Lin Woon Fui, 39, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Muhammad Anas Mahadzir.

Mengikuti pertuduhan, Woon Fui didakwa telah memperdayakan seorang lelaki berusia 39 tahun sebanyak RM28,029 dengan mempercayainya akan melipatgandakan wang menerusi pertaruhan dalam talian.

Bekas pemenang pingat gangsa acara berpasukan Sukan Asia 2006 juga telah menipu lelaki sama sebanyak RM30,000 untuk pelaburan saham tidak wujud.

Kesemua wang tersebut



**WOON FUI (tengah)** mengaku tidak bersalah dua pertuduhan menipu di Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam.

dipindahkan ke dalam akaun bank tempatan milik tertuduh

dan isterinya.

Kesalahan itu dilakukan di

sebuah premis di Setia Alam,

Seksyen U13 di sini antara 6 Jun

hingga 29 November 2016.

Justeru, dia didakwa mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksamaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun dan sebatan serta denda bagi setiap pertuduhan.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Irna Julieza Maaras menawarkan jaminan RM20,000 bagi kedua-dua pertuduhan bersama seorang penjamin dengan syarat tambahan menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri di pejabat SPRM pada awal setiap bulan.

Peguam B. Chandrateeban memohon jaminan dikurangkan kepada RM10,000 bagi kedua-dua pertuduhan susulan anak guamnya adalah penanggung utama keluarga

Mahkamah menetapkan jaminan RM17,000 bersama penjamin dan membenarkan syarat tambahan pihak pendakwaan. Sebutan semula kes pada 17 Ogos depan.